

PENGESAHAN INSTRUMEN KEMATANGAN EMOSI PELAJAR BERMASALAH DISIPLIN: SATU ANALISIS PENEROKAAN FAKTOR (EFA)

[INSTRUMENT VALIDATION OF EMOTIONAL MATURITY AMONG DISCIPLINARY STUDENTS: EXPLORATORY FACTOR ANALYSIS (EFA)]

NORADILAH ABDUL WAHAB^{1*}, NAJMI MUHAMMAD² & MOHD SANI ISMAIL¹

Received Date: 15 July 2019

Accepted Date: 31 July 2019

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membuat semakan terhadap instrumen kematangan emosi bagi pelajar yang bermasalah disiplin di sekolah. Seramai 100 orang pelajar terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Pemboleh ubah yang dikaji dalam kajian ini menggunakan instrumen kematangan emosi (emotional maturity) yang mempunyai lima dimensi iaitu ketidakstabilan emosi, penurunan emosi, ketidakupayaan penyesuaian sosial, kecelaruan personaliti dan tidak berdikari. Instrumen kematangan emosi telah dibangunkan oleh Yashvir Singh dan Mahesh Bhargava. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kebolehpercayaan Alpha Cronbach dan analisis penerokaan faktor (EFA) dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil analisis mendapati nilai Alpha Cronbach yang diperoleh adalah baik iaitu melebihi 0.60. Keputusan daripada analisis faktor penerokaan menunjukkan lima faktor dengan nilai Eigen melebihi 1.0. Nilai KMO (Kaiser-Meyer-Olkin) $0.667 > 0.6$ menunjukkan item-item dalam pemboleh ubah kematangan emosi mencukupi untuk inter-korelasi. Manakala Ujian Bartlett adalah signifikan (Chi Square 135.695, $p < 0.05$, nilai anti-image (*Measure of Sampling Adequacy*, MSA) untuk korelasi item melebihi 0.6. Walaubagaimana pun, terdapat beberapa item yang perlu disisihkan kerana nilai yang diperoleh kurang daripada 0.60 seperti item B2, B8, B9, B12, B14, B21, B28, B29, B30 dan B43. Nilai jumlah varians yang dijelaskan oleh lima faktor tersebut adalah 66.196. Oleh itu, keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa item-item bagi instrumen kematangan emosi dapat mengukur dan menjawab objektif kajian.

Kata kunci: kematangan emosi; pelajar bermasalah disiplin; analisis penerokaan faktor

Abstract

This study aims to review the emotional maturity instruments of discipline students at school. A total of 100 students were involved as respondents in this study. This scale measures a list of five broad factors of Emotional Immaturity: Emotional Unstability, Emotional regression, social maladjustment, personality disintegration and lack of independence. Emotional Maturity Scale was developed by Singh and Bhargava. The data were analyzed descriptively by using Alpha Cronbach reliability and EFA analysis using SPSS software. The results of the analysis showed that Alpha Cronbach value obtained

¹ Faculty of Islamic Contemporary Studies Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak (UniSZA), Terengganu, Malaysia,

² Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Corresponding Author:

NORADILAH ABDUL WAHAB, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Universiti Malaya, Jalan Universiti, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA.

E-mail: adilahphd@yahoo.com

was good ie exceeding 0.60. Results from the exploration factor analysis show five factors with Eigen values greater than 1.0. The KMO value (Kaiser-Meyer-Olkin) $0.667 > 0.6$ indicates the items in sufficient emotional maturity variables for inter-correlation. While the Bartlett Test was significant (Chi Square 135.695, $p < 0.05$), the value of the anti-image value (Measure of Sampling Adequacy, MSA) for item correlation exceeds 0.6. However, there are some items that need to be removed because the value obtained is less than 0.60 B2, B8, B9, B12, B14, B21, B28, B29, B30 and B43. The total value variance explained by these five factors is 66,196. The overall findings show that items for emotional maturity instruments can measure and answer research objective.

Keywords: emotional maturity; disciplinary student; exploratory factor analysis (EFA)

Cite This Article:

Noradilah Abdul Wahab, Najmi Muhammad & Mohd Sani Ismail. (2019). Pengesahan instrumen kematangan emosi pelajar bermasalah disiplin: Satu analisis penerokaan faktor (EFA) [Instrument validation of emotional maturity among disciplinary students: Exploratory factor analysis (EFA)]. Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS), 1(3), 32-40. Open Acces: <http://ajocs.com>

PENGENALAN

Setiap individu tidak dilahirkan dengan sifat kematangan emosi, namun sifat kematangan emosi masih boleh dipupuk melalui didikan dan perhubungan antara ibu bapa dan keluarga (Wagde & Ganaie, 2013). Kematangan emosi juga mencerminkan perkembangan emosi seseorang individu yang normal (Joy & Mathey, 2018). Kematangan emosi adalah keadaan seseorang yang telah mencapai tahap perkembangan emosi yang dapat menunjukkan kawalan emosi dalam situasi sosial (Shimsiya & Parambat, 2016). Kematangan emosi dianggap sebagai salah satu penentu utama dalam membentuk keperibadian, tingkah laku, dan sikap individu dan membantu dalam meningkatkan perhubungan sesama masyarakat untuk meningkatkan nilai diri seseorang, manakala kestabilan emosi dianggap sebagai salah satu komponen utama dalam kesihatan mental (Anand, Kunwar & Kumar, 2014).

Seseorang yang mempunyai kematangan emosi berkeupayaan untuk membuat penyesuaian yang positif dengan dirinya sendiri, ahli keluarga, rakan sebaya, masyarakat dan budaya serta mereka yang berada dalam lingkungannya (Rajeshwari & S, 2015). Menurut Dutta, Chetia dan Soni (2015), seseorang individu yang mempunyai kematangan emosi akan berpuas hati dengan apa yang dimiliki dan dapat menerima kenyataan serta tidak berkeluh kesah terhadap perkara-perkara yang kecil. Kajian Anand et al. (2014) juga mendapati seseorang yang mempunyai kematangan emosi akan dapat memacu timbulnya perasaan yang menyenangkan dan kebahagiaan.

KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU YANG MENGGUNAKAN INSTRUMEN EMOTIONAL MATURITY SCALE (YASHVIR SINGH DAN MAHESH BHARGAVA, 1991)

Pelbagai kajian mengenai kematangan emosi yang menggunakan instrumen *Emotional Maturity Scale* telah dibangunkan oleh *Yashvir Singh* dan *Mahesh Bhargava* (1991), antaranya, Ansari (2015) telah menjalankan kajian bagi mengukur hubungan antara tekanan dan

kematangan emosi dalam kalangan pelajar siswazah. Menurut dapatan Ansari (2015), kematangan emosi mempunyai kesan yang signifikan ke atas tahap tekanan pelajar. Manakala kajian Amanda, Magan dan Tyler (2013) untuk melihat perhubungan antara tekanan, sifat keperibadian dan pelbagai aliran akademik, seperti sains kemanusiaan dan sains sosial. Dapatan menunjukkan tahap tekanan dalam kalangan pelajar kolej dari jurusan akademik yang berbeza adalah sama dan ciri-ciri stres dan personaliti tidak mempunyai perkaitan yang signifikan antara satu sama lain.

Rosa dan Preethi (2012) pula menjalankan kajian perbandingan kematangan emosi dan tekanan akademik dalam kalangan pelajar menengah atas berasaskan status ibu bekerja. Kajian Rosa dan Preethi (2012) mendapati pelajar yang mempunyai ibu yang bekerja adalah lebih matang dan lebih tertekan daripada pelajar yang mempunyai ibu yang tidak bekerja. Justeru, dapatan kajian Rosa dan Preethi (2012) dapat disimpulkan bahawa kematangan dan tekanan akademik saling berkaitan. Selain itu, kajian Lather Manisha (2009) mendapati majoriti pelajar sekolah menengah mengalami penderitaan psikologi. Manakala kajian Pastey dan Aminbhavi (2006) telah mengukur hubungan antara kematangan emosi, tekanan dan keyakinan diri dan dapatan menunjukkan bahawa tahap kematangan emosi yang tinggi akan menyebabkan tekanan dan keyakinan diri yang tinggi dalam kalangan remaja.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk pengesahan instrumen kematangan emosi bagi pelajar bermasalah disiplin.

METODOLOGI

Analisis faktor merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi menentukan sama ada item-item yang digunakan dalam kajian dapat mengukur apa yang hendak diukur. Menurut Hair et al. (2010) analisis faktor penerokaan merupakan unit analisis, pemilihan pemboleh ubah, mencapai rumusan dan pengurangan data, dan hasil ujian dengan menggunakan teknik multivariat lain untuk memenuhi objektif kajian.

Manakala menurut Chua (2009), analisis penerokaan faktor dapat digambarkan sebagai tertib bagi meringkaskan pemboleh ubah yang saling berkaitan dan teknik pengurangan pemboleh ubah yang menunjukkan bilangan konstruk yang terpendam serta struktur faktor yang mendasari satu set pemboleh ubah. Analisis penerokaan faktor bertujuan untuk mengurangkan dimensi data yang asal kepada beberapa komponen yang lebih kecil dan dapat diinterpretasikan dengan lebih mudah dan bermakna (Field, 2006). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah mengadaptasi instrumen yang telah dibangunkan oleh *Yashvir Singh* dan *Mahesh Bhargava* (1991) dan telah melakukan sedikit pengubahsuaian mengikut kesesuaian kajian.

Sesuai dengan pandangan Noor, Aziz, Mostapa dan Awang (2015) dan Awang (2012) yang menyatakan bahawa, sekiranya penyelidik mengadaptasi instrumen yang dibina oleh penyelidik terdahulu serta melakukan pengubahsuaian pernyataan supaya sesuai dengan kajian semasa, maka penyelidik baru perlu menjalankan semula proses prosedur analisis penerokaan faktor. Hal ini adalah bidang kajian semasa berkemungkinan berlainan dengan kajian terdahulu,

atau populasi kajian semasa berbeza dengan kajian terdahulu daripada segi status sosio-ekonomi dan budaya.

Oleh kerana itu, berkemungkinan terdapat sesetengah item yang terdahulu tidak lagi sesuai untuk kajian semasa. Justeru, penyelidik perlu mengira semula nilai Kebolehpercayaan Dalaman untuk instrumen semasa (Hoque, Awang, Jusoff, Salleh & Muda, 2017). Berdasarkan saranan Hoque et al. (2017), penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 100 orang pelajar tingkatan empat dan menjalankan semula Analisis penerokaan faktor ke atas keseluruhan item bagi instrumen kematangan emosi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Ujian EFA dijalankan adalah bertujuan untuk menentukan sama ada item dalam soal selidik dapat mewakili konstruk kematangan emosi dalam kalangan pelajar yang bermasalah disiplin di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Kelantan. Ujian korelasi bivariat Pearson dijalankan untuk menentukan adakah terdapat perkaitan antara item-item yang dikaji. Hasil daripada ujian pearson (nilai $-p$) yang diperoleh adalah menghampiri nilai sifar (0.000). ini menunjukkan korelasi antara item-item dalam kajian adalah signifikan.

Sebelum analisis faktor penerokaan dijalankan, ujian Keiser-Meyer-Olkin dan ujian Bartlett merupakan dua ujian yang perlu dijalankan terlebih dahulu. Daripada jadual 1.1, hasil ujian Keiser-Meyer-Olkin menunjukkan nilai 0.667 iaitu melebihi nilai 0.60 dan dapatan ini menunjukkan kecukupan persempelan. Manakala ujian Bartlett pula mendapat nilai yang menghampiri sifar (0.000) dan ini bermaksud nilai yang diperoleh kurang daripada nilai 0.06 dan sekali gus menunjukkan terdapat perkaitan antara item-item dan hasil daripada keputusan kedua-dua ujian itu (rujuk jadual 1.1) membolehkan analisis faktor boleh dijalankan.

Jadual 1.1 Ujian Bartlett's dan KMO

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		0.667
	Approx. Chi-Square	135.695
Bartlett's Test of Sphericity	Df	45
	Sig.	0.000

Ujian analisis faktor penerokaan ini dijalankan dengan menggunakan analisis komponen prinsipal melalui pusingan *varimax*. Hasil penganalisisan item-item dipaparkan dalam jadual 1.2, dan daripada hasil analisis data juga dapat dilihat bahawa semua nilai pada diagonal matrik korelasi adalah sesuai dan nilai ini berada di atas tahap penerimaan iaitu 0.60. Nilai-nilai diagonal matrik ini merujuk kepada pengukuran kecukupan saiz pensampelan yang digunakan dan hanya tidak terdapat item yang disisihkan sebelum analisis faktor dijalankan. Seterusnya, nilai communalities menunjukkan nisbah varian pemboleh ubah yang diterangkan oleh faktor. Nilai communalities yang besar menunjukkan terdapat pengaruh yang kuat daripada konstruk terumpuk.

Jadual 1.2 Total Variance Explained

Component	Extraction Sums of Squared Loadings		
	Total	% of Variance	Cumulative %
1	1.990	19.900	19.900
2	1.234	12.341	32.241
3	1.215	12.145	44.387
4	1.144	11.442	55.829
5	1.037	10.367	66.196

Extraction Method: Principal Component Analysis

Manakala nilai eigen pula merupakan jumlah varians yang dijelaskan bagi setiap faktor. Merujuk kepada nilai eigen permulaan dalam jadual 1.3 menunjukkan keseluruhan lima komponen memperoleh nilai eigennya adalah lebih besar daripada satu. Ini menunjukkan kelima komponen terekstrak dan jadual 1.3 menunjukkan jumlah varian yang dijelaskan oleh lima faktor yang diekstrak tersebut dan jumlah varians yang dapat dijelaskan oleh kelima-lima faktor adalah sebanyak 66.196.

Jadual 1.3: Total Variance Explained

Component	Initial Eigenvalues		
	Total	% of Variance	Cumulative %
1	1.990	19.900	19.900
2	1.234	12.341	32.241
3	1.215	12.145	44.387
4	1.144	11.442	55.829
5	1.037	10.367	66.196

Extraction Method: Principal Component Analysis

Seterusnya jadual 1.4 menunjukkan nilai pekali atau faktor pemberat bagi setiap item yang cenderung kepada setiap faktor yang terumpuk.

Jadual 1.4 Faktor Pemberat Bagi Konstruk Kemantangan Emosi

Konstruk	Komponen				
	1	2	3	4	5
B1	0.769				
B2			Item Disisihkan		
B3	0.728				
B4	0.763				
B5	0.672				
B6	0.785				
B7	0.645				
B8			Item Disisihkan		
B9			Item Disisihkan		
B10	0.758				

B11	0.637	
B12		Item Disisihkan
B13	0.765	
B14		Item Disisihkan
B15	0.655	
B16	0.783	
B17	0.650	
B18	0.702	
B19	0.708	
B20		0.823
B21		Item Disisihkan
B22		0.793
B23		0.630
B24		0.747
B25		0.777
B26		0.838
B27		0.747
B28		Item Disisihkan
B29		Item Disisihkan
B30		Item Disisihkan
B31		0.753
B32		0.803
B33		0.704
B34		0.744
B35		0.782
B36		0.670
B37		0.820
B38		0.837
B39		0.826
B40		0.820
B41		0.679
B42		0.731
B43		Item Disisihkan
B44		0.896
B45		0.916
B46		0.668

Jadual 1.4 memaparkan beberapa item yang harus disisihkan kerana nilai bagi faktor pemberat kurang daripada 0.60. oleh itu, pengkaji telah mensisihkan dan jadual 1.5 merupakan item baru yang akan digunakan bagi pemboleh ubah kematangan emosi dalam kajian yang seterusnya.

Jadual 1.5 Faktor Pemberat Bagi Konstruk Kemantangan Emosi Selepas Item Disisih

Konstruk	Komponen				
	1	2	3	4	5
B1	0.769				
B3	0.728				
B4	0.763				
B5	0.672				
B6	0.785				
B7	0.645				
B10	0.758				
B11		0.637			
B13		0.765			
B15		0.655			
B16		0.783			
B17		0.650			
B18		0.702			
B19		0.708			
B20			0.823		
B22			0.793		
B23			0.630		
B24			0.747		
B25			0.777		
B26			0.838		
B27			0.747		
B31				0.753	
B32				0.803	
B33				0.704	
B34				0.744	
B35				0.782	
B36				0.670	
B37				0.820	
B38				0.837	
B39					0.826
B40					0.820
B41					0.679
B42					0.731
B44					0.896
B45					0.916
B46					0.668

Seterusnya ujian kebolehpercayaan dilakukan oleh pengkaji. Kebolehpercayaan merupakan darjah yang menunjukkan pengukuran yang dijalankan bebas daripada kesilapan dan seterusnya menghasilkan keputusan yang konsisten. Ketekalan dalaman (*internal consistency*) merupakan pendekatan yang digunakan adalah untuk mengukur koefisien

kebolehpercayaan keseluruhan item (Wan Zaifurin, Norhayati, Sabri & Ibrahim 2015). Menurut Wan Zaifurin et al., (2015), teknik bagi menganggar ketekalan dalaman ialah dengan melihat kepada nilai Alpha Cronbach bagi setiap pemboleh ubah. Ujian kebolehpercayaan adalah penting untuk mengukur kebolehan dan keupayaan item-item dalam instrumen yang digunakan dalam kajian. Menurut Hair et al. (2010), kebolehpercayaan adalah ketepatan dan kestabilan mata atau markah daripada skala pengukuran. Jadual 1.5 merupakan dapatan nilai Alpha Cronbach bagi instrumen kematangan emosi.

Jadual 1.5 Nilai Kebolehpercayaan

Bil	Item	Cronbach's Alpha
1	7	0.675
2	7	0.772
3	7	0.833
4	8	0.889
5	7	0.886
Jumlah	36	0.856

Jadual 1.5 memaparkan dapatan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi daripada ujian kebolehpercayaan bagi setiap konstruk dalam pemboleh ubah kematangan emosi. Nilai Alpha Cronbach keseluruhan antara 0.675 hingga 0.889 dan dapatan secara keseluruhan bagi lima konstruk yang diperolehi ialah 0.856. Justeru, dapatan yang diperolehi menunjukkan keseluruhan item mempunyai tahap ketekalan dalaman yang baik dan sesuai untuk meneruskan untuk menjalankan kajian yang seterusnya. Menurut Hair et al. (2010), nilai Alpha Cronbach 0.60 hingga 0.70 dianggap penerimaan paling minimum.

KESIMPULAN

Kematangan emosi merupakan kemampuan seseorang untuk mengekspresikan emosi secara tepat dan sesuai mengikut kawalan diri, kebebasan, memiliki konsekuensi diri dan penerimaan diri yang tinggi dan dapat mengekalkan luapan emosi, serta memahami emosi diri yang mengarah kepada perkara-perkara positif. Bahkan, kematangan emosi juga merupakan antara salah satu aspek penting yang perlu ada dalam diri setiap individu kerana kematangan emosi juga dapat mempengaruhi kebahagiaan seseorang dan kebahagiaan dapat dinilai melalui cara berfikir dan bertingkah laku. Justeru, kematangan emosi adalah penting sebagai alternatif dalam membendung kemerosotan masalah disiplin yang banyak berlaku dalam kalangan pelajar pada hari ini. Oleh itu, instrumen kematangan yang telah melalui fasa analisis penerokaan faktor sesuai untuk dijalankan penyelidikan yang lebih mendalam sesuai dengan budaya, persekitaran, dan keadaan sampel kajian.

RUJUKAN

Amanda Allred, Megan Granger, & Tyler Hogstrom. 2013. The relationship between academic major, personality type, and stress in college students. *Lake Forest College Primary Article*. Eukaryon, 9, 1-4.

- Anand, A., N, K., & Kumar, A. 2014. Impact of different factors on emotional maturity of adolescents of Coed-School. *International Research Journal of Social Sciences*, 3(11), 17-19.
- Ansari Masaud. 2015. Role of emotional maturity on stress among undergraduate students. *The International Journal of Indian Psychology*, 2(2), 19-25.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. (2010). *Multivariate data analysis* (7th edition). New York: Prentice Hall International Inc.
- Awang, Z. 2012. *Research Methodology and Data Analysis*. Penerbit Universiti Teknologi MARA Press (UiTM Press).
- Dutta, J., Chetia, P., Soni, J.C. 2015. a comparative study on emotional maturity of secondary school students in Lakhimpur and Sonitpur districts of Assam. *International Journal of Science and Research (IJSR)*, 4 (9), 168-176.
- Hoque, A.S.M.M, Awang, Z., Jusoff, K., Salleh, F., & Muda, H. 2017. Social business efficiency: instrument development and validation procedure using structural equation modelling. *International Business Management*, 11(1), 222-231.
- Joy, Molly & Mathew, Asha. 2018. Emotional maturity and general well-being of adolescents. *IOSR Journal of Pharmacy*, 8 (5) Version. I (May 2018), 01-06.
- Magar Ashok Amrutha. 2014. A comparative study of emotional maturity among the medical and engineering students. *Review of research Journal*, 3(10), 1-3.
- Manisha, Lathar. 2009. Effect of emotional intelligence on psychological distress of high school students. *MERI Journal of Education*, 4(1), 82-89.
- Noor, N. M., Aziz, A. A., Mostapa, M. R., & Awang, Z. 2015. Validation of the Malay version of the inventory of functional status after childbirth questionnaire. *Biomed Research International*, 2015.
- Pastry, Geeta S. & Aminbhavi Vijayalaxmi, A. 2006. An impact of emotional maturity on stress and self-confidence of adolescents. *Journal of Indian Academic of Applied Psychology*, 32(1), 66-70
- Rajeshwari, R., & S, J. 2015. Opening of new insights for the researchers: a descriptive study on emotional maturity. *IJEMR*, 5(11), 5-7.
- Rosa M. C. & Preethi C. 2012. Academic stress and emotional maturity among higher secondary school students of working and non-working mothers. *International Journal of Basic and Advanced Research*, 1(3), 40-43.
- Wagde, Amit Dharpal, & Ganaie, Showkat Ahmed. 2013. Study on emotional maturity and coping strategies among the students pursuing rehabilitation studies. *International Journal of Science and Research (IJSR)*, 2(8), 451-457.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad & Ibrahim Mamat. 2015. Penggunaan analisis faktor bagi kajian hubungan antara faktor-faktor peramal dengan kecenderungan pelajar menceburi kerjaya keusahawanan. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 5(2), 293-306.